

## WARTA KERAJAAN

### **PUSAT INFORMASI - WARTA KERAJAAN - P.U. (A) 549**

AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996  
PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA  
(RAYUAN) 1997

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 88 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Rayuan) 1997 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1998.
2. (1) Rayuan di bawah subseksyen 24(11) bagi 37(3), 51(6) dan 52(3) Akta hendaklah dibuat dalam borang yang berikut dalam Jadual:
  - a. dalam Borang 'A' bagi rayuan di bawah subseksyen 24(11) Akta; dalam Borang 'B' bagi rayuan di bawah subseksyen 37(3) Akta; dan
  - b. dalam Borang 'C' bagi rayuan di bawah subseksyen 51(6) atau 52(3) Akta.(2) Borang rayuan hendaklah mengemukakan borang rayuan kepada Ketua Pendaftar berserta dengan fee yang ditetapkan di bawah peraturan 5
3. Ketua Pendaftar hendaklah mengemukakan borang rayuan kepada Menteri berserta dengan :-
  - (a) suatu salinan pemberitahuan atau penyampai keputusan yang dirayukan; dan
  - (b) tanpa menjejaskan subseksyen 24(11) Akta, alasan-alasan bagi keputusannya, dalam tempoh satu bulan dari penerimaan borang rayuan itu.
4. Ketua Pendaftar hendaklah, secara bertulis, memberitahu orang yang membuat rayuan itu tentang keputusan Menteri.
5. Fee sebanyak RM10.00 kena bayar bagi tiap-tiap rayuan yang dibuat di bawah subseksyen 24(11), 37(3), 51(6) dan 52(3) Akta.